

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Masalah

Kedatangan Aidiladha seluruh dunia seringkali dikaitkan mengiringi hari wukuf di Arafah dengan tanggapan hari raya tersebut disambut setelah selesainya jemaah haji berwukuf. Atas fahaman berkenaan, hilal Zulhijjah hanya dicerap bagi menentukan pelaksanaan ibadah haji. Atas fahaman berkenaan seterusnya, awal Zulhijjah dan Aidiladha hanya boleh ditentukan oleh Kerajaan Arab Saudi sementara negara-negara lain termasuk negara Malaysia mesti menerimapakai penentuan tarikh yang telah dibuat.

Ironinya, kedatangan awal puasa dan Aidilfitri seluruh dunia tidak pula terkait dengan tanggapan sedemikian. Sedangkan awal puasa, Aidilfitri dan Aidiladha kesemuanya melibatkan cerapan hilal. Bahkan hilal Ramadan dan Syawal dicerap di negara masing-masing pada masa hilal berkenaan dicerap di negara Arab Saudi. Bahkan juga, setiap negara menentukan awal Ramadan dan Syawal secara berasingan. Ketiadaan tanggapan kedatangan awal puasa dan Aidilfitri terkait dengan sesuatu peristiwa di Tanah Suci sepertimana kedatangan Aidiladha terbukti bilamana isu peringkat kebangsaan yang sering berbangkit sekitar dua hari tersebut adalah sama ada untuk menentukannya berpandukan kaedah rukyah¹ atau rukyah dan hisab.²

¹ Kaedah rukyah bermaksud awal bulan baru ditetapkan dengan kelihatannya hilal selepas ghurub matahari pada 29 haribulan hijri pada setiap bulan.

² Kaedah rukyah dan hisab bermaksud awal bulan baru ditetapkan dengan kiraan hisab syarie. Bahagian Penyelidikan Jakim (2008), "Kaedah Penentuan Awal Puasa Dan Hari Raya Di Malaysia" (Kertas Kajian Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Analisis Rekod Cerapan Hilal Kali Ke-2, 25-27 Mac 2008).

Hakikatnya, umat Islam bersepakat bahawa kedatangan Aidiladha negara Arab Saudi dan negara-negara *semaṭla*³ dengannya mengiringi hari Arafah yang ditentukan berpandukan cerapan hilal Zulhijjah *maṭla*' tersebut. Hakikatnya juga, umat Islam masakini tidak bersepakat sama ada kedatangan Aidiladha negara-negara yang berjauhan dari negara Arab Saudi masih mengiringi hari Arafah dengan ertikata tertakluk kepada cerapan hilal Zulhijjah *maṭla*' tersebut atau tertakluk kepada cerapan hilal Zulhijjah *maṭla*' masing-masing. Di Malaysia, segolongan ilmuan Islam seperti Dr. Abd. Ghani Yakob⁴ dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Dato' Alim Setia Us. Ahmad bin Jusoh⁵, ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis menegaskan bahawa sambutan Aidiladha negara mesti mengiringi hari wukuf tidak sepertimana diamalkan sekarang yang berpandukan cerapan hilal Zulhijjah di *maṭla*' sendiri. Di Indonesia, penegasan sebegini juga berbangkit setiap kali tarikh Aidiladha negara tersebut diisytiharkan tidak sama dengan tarikh Aidiladha negara Arab Saudi.⁶ Di Hong Kong⁷ dan Amerika Syarikat⁸ di mana masyarakat Islamnya tidak dipandu oleh suatu badan peringkat negara, penegasan-penegasan lebih ketara memecah-belahkan masyarakat.

³ Setengah pendapat menyatakan bahawa *maṭla*' bermaksud tempat-tempat yang hampir sama terbit dan terbenamnya hilal. Setengah pendapat pula menyatakan bahawa *maṭla*' bermaksud tempat-tempat yang hampir sama terbit dan terbenamnya matahari. Dikatakan juga ia adalah tempat yang boleh kelihatan hilal semasa di ufuk dan tempat yang sama menerima siang dan malam. Manakala pendapat yang lain menyatakan ia bermaksud tempat-tempat yang sama menerima kebanyakan malam.

⁴ Dr. Abd. Ghani Yakob (2001): "Sambut Raya Haji Tidak Dengan Rukyah". *Utusan Malaysia*, Mac 23, h. 1.

⁵ Dato' Alim Setia Ustaz Ahmad bin Jusoh (2002), "Kertas Cadangan Kaedah Penentuan Aidiladha Berdasarkan Hari Wukuf", (Kertas Kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 23 April 2002).

⁶ Harian Metro, Disember 29, 2006:1 "Wukuf Jumaat terakhir 10 tahun lepas".

⁷ Bahagian Penyelidikan (2005), "The Islamic Community Fund of Hong Kong" (Kertas Laporan Lawatan Ahli-Ahli The Incorporated Trustees of The Islamic Community Fund of Hong Kong Ke Jakim pada 17 Januari 2005).

⁸ The Saudi Hajj Decision Rifts American Muslims, Moonsighting.com, http://www.moonsighting.com/articles/hajj&eid-al-adha_mess.html, 3 Jun 2009.

Sememangnya tanggapan bahawa Aidiladha disambut mengiringi hari wukuf ada sandarannya sekiranya takrifan hari tersebut diterima secara umum. Di dalam *al-Mawsū`ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, Aidiladha ditakrif sebagai hari yang mengiringi hari wukuf di padang Arafah dengan sambutan atas dasar kesyukuran sempena pengampunan Allah SWT terhadap jemaah haji yang menunaikan rukun tersebut.⁹ Sedang hari Arafah pula ditakrif sebagai hari yang bersatu padanya segala tempat.¹⁰ Persoalannya, adakah seluruh dunia bersatu siang dan malamnya pada satu masa?

Negara Malaysia pernah menentukan Aidiladha berpandukan hari wukuf dari tahun 1968 hingga 1993.¹¹ Dalam jangkamasa tersebut, penentuan awal puasa dan Aidilfitri negara berpandukan cerapan hilal sendiri. Akibatnya, bilangan hari dalam bulan Zulhijjah 1392 H negara menjadi 31 hari.¹² Sementara perisytiharan semula hari wukuf sehari lebih awal daripada 1 Disember 1976 kepada 30 November 1976 oleh kerajaan Arab Saudi mengakibatkan Idul Adha 1396 H negara disambut secara tergesa-gesa.¹³ Perisytiharan semula juga dilaporkan berlaku pada tahun hijri sebelumnya.¹⁴ Maka berbangkitlah isu ketika itu mengenai kewajaran bilangan hari dalam bulan qamariah menjadi 28 atau 31 hari sedangkan hadith telah menjelaskan bahawa bilangan hari dalam bulan-bulan berkenaan hanyalah 29 atau 30 hari berdasarkan hadith Ibn `Umar:

⁹ Muḥammad Rawwas Qal`ahjī (2000), *al-Mawsū`ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, j. 2, Beirut: Dār al-Nafāis, h. 1449-1450.

¹⁰ Jād al-Ḥaq `Alī Jād al-Ḥaq, *Buḥūth wa Fatāwā Islāmiyyah fī Qadāyā Mu`āṣirah*, j. 1, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 434-435.

¹¹ Bahagian Penyelidikan Jakim (2008), “Kaedah Penentuan Awal Puasa Dan Hari Raya Di Malaysia” (Kertas Kajian Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Analisis Rekod Cerapan Hilal Kali Ke-2, 25-27 Mac 2008).

¹² “Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri (1974), “Minit Persidangan Yang Ke-6 Jawatankuasa Fatwa” 22 Februari 1973, h. 5.

¹³ Bahagian Hal Ehwal Islam (1992), “Kaedah Baru Penetapan Hari Raya Al-Adha Menurut Syarak” (Kertas Cadangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia) h. 7.

¹⁴ Berita Harian, November 30, 1976:1 “Hari Raya Haji Rabu”.

حَدَّثَنَا آدَمُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ حَدَّثَنَا الْأَسْوَدُ بْنُ قَيْسٍ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَمْرٍو أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ
عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ «إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ، لَا
نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشَّهْرَ هَكَذَا وَهَكَذَا». يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ، وَمَرَّةً
ثَلَاثِينَ.¹⁵

Maksudnya;

Telah menceritakan Adam dari Syu'bah dari al-Aswad bin Qais dari Sa'id bin `Amr bahawasanya Ibn `Umar r.a. mendengar Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya kami adalah umat yang ummi, tidak tahu menulis dan mengira. Bulan itu begini dan begini, yakni adakalanya 29 hari dan adakalanya 30 hari".

Mengambilkira isu yang berbangkit akibat penentuan kesemua hari kebesaran mengikut *maṭla'* melainkan Aidiladha, negara Malaysia kembali menentukan hari perayaan tersebut berpandukan cerapan hilal Zulhijjah sendiri mulai tahun 1994 hingga kini.¹⁶ Rentetan pindaan kaedah penentuan, tarikh sambutan Aidiladha kedua-dua negara berbeza kerap kali seperti yang berlaku pada tahun 1999¹⁷, 2001¹⁸, 2002¹⁹, 2005²⁰, 2006²¹ dan 2007²². Dengan berakhirnya isu bilangan hari dalam bulan qamariah menjadi 28 atau 31 hari ketika Aidiladha ditentukan berpandukan hari wukuf, berbangkit pula isu pelaksanaan puasa sunat sempena hari

¹⁵ Sila lihat Ibn Ḥajr al-`Asqalānī (2000), *Fatḥh al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, "Kitāb al-Ṣawm", no. hadith 1913, j.4, Riyādh: Dār al-Salām, h. 163.

¹⁶ Pejabat Penyimpan Mohor Besar Majlis Raja-Raja (1995), "Minit Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-164" 3 Februari 1994.

¹⁷ Harian Metro, Mac 20, 1999:1 "Hari Wuquf 26 Mac".

¹⁸ Berita Harian, Mac 7, 2001:1 "JAIP diminta siasat sambutan Aidiladha lebih awal".

¹⁹ Berita Harian, Februari 22, 2002:1 "Umat Islam diminta patuh tarikh Aidiladha".

²⁰ Berita Minggu, Januari 23, 2005:1 "Aidiladha, korban ikut ketetapan Kerajaan Malaysia".

²¹ Harian Metro, Disember 29, 2006:1 "Wukuf Jumaat terakhir 10 tahun lepas".

²² Utusan Malaysia, Disember 12, 2007:1 "Aidiladha di Malaysia tetap disambut 20 Disember".

Arafah di Malaysia sekiranya tarikh 9 Zulhijjah negara membetuli tarikh Aidiladha negara Arab Saudi.

Golongan yang membangkitkan isu baru tersebut tidak boleh dipandang ringan. Selain Dr. Abd. Ghani Yakob dan Dato' Alim Setia Ust. Ahmad bin Jusoh yang telah membangkitkannya secara terang-terangan, terdapat juga golongan yang tidak menzahirkannya. Pada tahun 2001, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPS) melaporkan bahawa sebilangan masyarakat di dua tempat berasingan dalam negeri tersebut telah menyambut Aidiladha pada 5 Mac 2001, sehari lebih awal daripada tarikh yang telah diisytiharkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia.²³ Tarikh tersebut sepadan dengan tarikh sambutan Aidiladha negara Arab Saudi. Solat sunat Aidiladha telah diimamkan oleh Dato' Haji Wan Ahmad Wan Abdullah iaitu Yang Dipertua Persatuan al-Islah Perlis dan Ustaz Omar Hj Salleh dari Maahad Attarbiyah al-Islamiyyah (MATRI) dengan jemaah masing-masing seramai 1200 dan 200 orang.²⁴

Dalam menangani golongan tersebut, beberapa langkah telah diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Mufti/Agama Islam Negeri-Negeri. Di antaranya penganjuran Muzakarah Falak pada tahun 2003 di Port Dickson, Negeri Sembilan khusus kepada pegawai-pegawai hal ehwal Islam seluruh Malaysia.²⁵ Demikian juga penerbitan buku *Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah Di Malaysia* pada tahun 2004 kepada seluruh masyarakat.

²³ 15/Jld.2/(33): Surat S.S. Mufti Kerajaan Negeri Perlis kepada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 25 Mac 2001.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Bahagian Penyelidikan Jakim (2003), "Rumusan Muzakarah Falak" (Muzakarah Falak Kali Kelima 30 Jun-2 Julai 2003).

Pelaksanaan kursus Penentuan Awal Bulan Hijriah setiap tahun di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, penjelasan melalui artikel²⁶ selain kenyataan media.

Di sebalik langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berwajib dalam memperjelaskan mengenai kaedah penentuan Aidiladha yang digunapakai negara Malaysia, sebahagian golongan yang bertanggung kedadatangan Aidiladha mengiringi hari wukuf kekal dengan tanggapan mereka. Perkara ini dapat dilihat tatkala tarikh sambutan Aidiladha negara Malaysia berbeza lagi dengan tarikh sambutan Aidiladha negara Arab Saudi pada tahun 2010 bilamana Y.B. Sallehuddin Ayub membangkitkannya di Persidangan Dewan Rakyat.²⁷ Pada mereka, Aidiladha mesti disambut sehari selepas hari wukuf. Pada mereka, asal sembelihan adalah sembelihan di Tanah Suci Makkah. Pada mereka, asas penentuan awal bulan seluruh dunia adalah kenampakan terawal sesebuah negara. Justeru, ketidaknampakan hilal di negara Malaysia tatkala hilal dilaporkan kenampakannya di negara Arab Saudi adalah sesuatu yang sukar untuk diterima selain menunjukkan adanya sesuatu yang tidak kena dengan kaedah penentuan Aidiladha negara.

1.2 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Apakah kaedah penentuan Aidiladha yang digunapakai negara Malaysia masa kini menepati syariat Islam?

²⁶ Sila lihat artikel *Ikut Keputusan Rukyah Di Negara Sendiri* oleh Mohammad Faizal Jani dalam Berita Harian keluaran 12 Disember 2007.

²⁷ Solat Sunat Aidiladha Dan Ibadah Korban 1431 H, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/solat-sunat-idul-adha-dan-ibadah-korban-1431h>, 16 Disember 2010.

- ii) Apakah kaedah penentuan Aidiladha yang menurut syariat Islam?
- iii) Apakah usaha yang perlu dilakukan ke arah memantapkan lagi prosedur penentuan Aidiladha negara Malaysia?

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Menentukan sama ada kaedah penentuan Aidiladha yang digunakan negara Malaysia masa kini menepati syariat Islam.
- ii) Mengenalpasti kaedah penentuan Aidiladha yang menurut syariat Islam.
- iii) Membuat perbandingan data takwim, rukyah dan laporan kenampakan hilal antara Malaysia dengan Arab Saudi.
- iv) Mengemukakan rumusan untuk memantapkan lagi prosedur penentuan Aidiladha dan penguatkuasaannya di negara Malaysia.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam mengenalpasti kaedah penentuan Aidiladha zaman Rasulullah SAW, merungkai tradisi penentuannya zaman silam khususnya

tempat yang jauh dari Makkah dan menilai faktor-faktor teknikal yang menyebabkan tempat yang jauh dari Makkah menentukan Aidiladha sedemikian rupa.

Kajian juga akan menjadi panduan yang berguna kepada semua pihak khususnya dalam membicarakan pandangan-pandangan ulama mengenai kaedah penentuan Aidiladha dan amalan-amalan yang dilakukan oleh masyarakat Islam masa kini dalam menentukan hari perayaan tersebut. Dengan adanya kajian ini dapat menggiatkan lagi perkembangan ilmu falak di kalangan masyarakat Islam. Ilmu ini tidak dapat lari daripada melakukan cerapan, analisis dan pembentukan kriteria. Kesemua ini perlu dilakukan secara berterusan memandangkan dunia sentiasa mengalami perubahan sama ada dari segi alam persekitaran mahupun teknologi. Data-data cerapan yang terkumpul akan menjadi rujukan setiap ahli falak masa kini mahupun masa akan datang.

Selain kepentingan ilmiah tersebut, penulisan juga dapat menghindarkan masyarakat dari terus menyalahkan pihak berkuasa agama khususnya dan kerajaan amnya setiap kali tarikh sambutan Aidiladha berbeza. Tiada lagi isu syarak dan teknikal mengenai penentuan Aidiladha negara Malaysia berpandukan rukyah hilal Zulhijjah sendiri berbangkit. Tiada juga lagi cadangan penentuan semula Aidiladha berpandukan hari wukuf berbangkit memandangkan masyarakat sudah mempunyai kefahaman yang jelas mengenai hari perayaan tersebut dan permasalahan yang akan timbul sekiranya cadangan penentuan semula dilaksana.

1.5 Skop Kajian

Kajian ditumpukan kepada penentuan Aidiladha di Malaysia. Hari raya ini dikaji kerana kerapnya Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berbincang mengenai kaedah penentuannya berbanding dengan awal puasa dan Aidilfitri. Tiada peringkat masa kajian diberikan supaya semua kaedah yang pernah dibincang jawatankuasa dan digunakan tersebut dapat dikenalpasti.

Kajian akan difokuskan kepada aspek hukum berkaitan dengan penentuan Aidiladha. Kajian juga akan difokuskan kepada prosedur penentuan Aidiladha negara. Turut diteliti adalah peranan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia dan Jakim dalam menyelaraskan hal ehwal Islam negara juga peranan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dalam menyelaraskan aspek teknikal penyediaan takwim hijri negara. Turut diteliti sama adalah perbandingan data takwim, rukyah dan laporan kenampakan hilal Malaysia dan Arab Saudi.

1.6 Metodologi Kajian

a. Metode Pengumpulan Data

Di dalam menyiapkan kajian ini, metode pengumpulan data yang digunakan adalah seperti berikut:

i. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan kefahaman yang jelas mengenai kaedah penentuan Aidiladha yang lebih menepati syariat Islam, keterangan dan fakta sejarah berkenaan kaedah penentuan hari perayaan tersebut zaman Rasulullah SAW

dan generasi silam juga kesahan *maṭla'*. Untuk tujuan itu, sumber primari dan sekunder digunapakai. Kitab tafsir yang dirujuk termasuklah *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr al-Qurṭubī*, *a-Ṭabarī*, *al-Rāzī*, *al-Jaṣṣās* dan lain-lain dengan terjemahan ayat-ayat al-Quran berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* terbitan Jabatan Perdana Menteri. Kitab-kitab hadith termasuklah *Sunan Sittah* (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāud*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan al-Tirmidhī* dan *Sunan Ibn Mājah*). Kitab-kitab fiqh induk setiap mazhab juga fiqh perbandingan oleh al-Zuhaylī dan al-Jazīrī. Selain itu, kitab *tarikh* seperti *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, *Sīrah Ibn Hishām*, *Tārīkh al-Ṭabarī*, *Tārīkh Ibn Khaldūn*, *Tārīkh Madīnah Munawwarah*, *Inbā' al-Ghamr*, *Riḥlah Ibn Jubayr* dan lain-lain serta kitab falak seperti *Rasāil al-Birūnī*, *al-Muqaddasī* dan sebagainya.

Rujukan dibuat di Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan *International Institute of Islamic Thought and Civilization*, Perpustakaan Awam Islam Pusat Islam Malaysia, Perpustakaan Awam Islam Jakim, Perpustakaan Institut Latihan Islam Malaysia dan Perpustakaan Awam Terengganu.

Selain kajian mengenai penentuan Aidiladha yang lebih menepati syariat Islam, kajian turut dibuat terhadap prosedur penentuan Aidiladha yang digunapakai negara Malaysia melalui penelitian terhadap laporan, fail, minit mesyuarat dan ulasan laporan yang tersimpan di Jakim, Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Arkib Negara Malaysia khususnya minit Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam

Malaysia, Mesyuarat Penetapan Awal Puasa Dan Hari Raya, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Rukyah Dan Taqwim Islam MABIMS dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam Jakim.

ii. Kajian Lapangan

Temubual dilakukan bagi mendapatkan pandangan pakar mengenai prosedur terkini penentuan awal Zulhijjah dan Aidiladha negara. Kaedah temubual yang digunakan adalah kaedah temubual tidak berstruktur, dengan itu membuka ruang kepada responden mengemukakan pandangannya secara bebas.

Di antara pakar yang ditemubual adalah Pengarah Seksyen Geodesi, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia.

Pemilihan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mendalam beliau dalam aspek teknikal penentuan awal bulan negara.

b. Metode Analisis Data

Data yang terkumpul akan dianalisis menggunakan metode berikut:

i. Metode Induktif

Iaitu metode analisis data dengan dimulai dari pengumpulan maklumat secara berterusan bagi menjelas dan menghurai persoalan yang dikaji. Metode ini digunapakai khususnya untuk mendapatkan kefahaman jelas mengenai kaedah penentuan Aidiladha yang lebih menepati syariat Islam.

ii. Metode Deduktif

Iaitu metode analisis data dengan dimulai dari pernyataan yang bersifat umum kepada pernyataan yang bersifat khusus. Metode ini digunakan khususnya untuk menilai situasi bersabit perbezaan tarikh sambutan Aidiladha antara negara Malaysia dengan Arab Saudi bertitik tolak teori *maṭla'*.

iii. Metode Perbandingan

Iaitu metode analisis data dengan membanding, mengkategorikan dan menyusun data dengan tujuan menjelaskan sesuatu keadaan dan menjawab sesuatu soalan. Metode ini digunakan khususnya untuk membuktikan hipotesis kajian bahawa penentuan Aidiladha negara Malaysia berpandukan hari wukuf mengakibatkan bilangan hari negara dalam bulan qamariah menjadi 28 atau 31 hari.

1.7 Sorotan Literatur

Terdapat beberapa kajian dan penulisan yang telah dibuat mengenai kaedah penentuan Aidiladha negara Malaysia. Untuk memastikan perbincangan mengenainya lebih jelas, maka pembentangan dipecahkan kepada dua bahagian seperti berikut:

- i. Kajian yang membincangkan mengenai kaedah penentuan Aidiladha secara khusus.
- ii. Kajian dan penulisan yang menyentuh kaedah penentuan Aidiladha secara umum.

Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1992) melalui kertas kerjanya *Kaedah Baru Penetapan Hari Raya al-Adha Menurut Syarak* telah menjalankan kajian semula terhadap kaedah penentuan Aidiladha berpandukan hari wukuf yang tidak selaras dengan kaedah penentuan awal puasa dan Aidilfitri negara yang berpandukan rukyah dan hisab.²⁸ Kajian mendapati bahawa keputusan yang dibuat pihak kerajaan menerusi Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya kali ke-78 pada 12 Oktober 1967 untuk menentukan Aidiladha berpandukan hari wukuf tidak disokong oleh sebarang nas tetapi hanya bertujuan menyesuaikan tarikh sambutan hari perayaan tersebut antara negara Malaysia dengan Arab Saudi. Kajian juga mendapati bahawa negara Malaysia sahaja di peringkat serantau yang menentukan Aidiladha berpandukan hari wukuf sementara negara Brunei, Indonesia dan Singapura menentukannya di negara masing-masing selaras dengan kaedah penentuan awal puasa dan Aidilfitri yang berpandukan rukyah dan hisab. Justeru, kajian mengesyorkan kepada pihak kerajaan supaya penentuan Aidiladha negara turut menggunapakai kaedah sama.

Md. Adnan Md. Daud (2001) dalam kajiannya *Kaedah Penetapan Hari Raya Korban Di Malaysia Tidak Sama Dengan Arab Saudi* telah melakukan perbandingan analisis data rukyah bagi penentuan awal Zulhijjah tahun 1420 dan 1421 H antara negara Malaysia dengan Arab Saudi.²⁹ Kajian beliau mendapati bahawa perbezaan masa kedua-dua negara selama lima jam akan menyebabkan kedudukan hilal bertambah tinggi pada *matla'* Arab Saudi sebanyak 1.25°, memudahkan

²⁸ Bahagian Hal Ehwal Islam (1992), "Kaedah Baru Penetapan Hari Raya al-Adha Menurut Syarak", (Kertas Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 22 Ogos 1992), h. 1-8.

²⁹ Md. Adnan Md. Daud (2001), "Kaedah Penetapan Hari Raya Korban Di Malaysia Tidak Sama Dengan Arab Saudi" (Kertas Kerja Muzakarah Falak Syarie Pegawai-Pegawai Agama Seluruh Malaysia 3-6 September 2001), h. 8-9.

kenampakannya di negara tersebut. Kajian beliau turut mendapati bahawa penentuan Aidiladha negara Arab Saudi adalah berpandukan kepada keputusan rukyahnya semata-mata. Justeru, beliau merumuskan bahawa penentuan Aidiladha negara yang berpandukan kepada kenampakan hilal Zulhijjah *maṭla'* sendiri sebagai tepat dengan penentuan berpandukan hari wukuf tidak mempunyai sandaran yang kuat.

Ahmad bin Jusoh (2002) dalam kajiannya *Cadangan Kaedah Penentuan Aidiladha Berdasarkan Hari Wukuf* telah melakukan analisis hukum terhadap kaedah penentuan Aidiladha negara Malaysia.³⁰ Beliau mengemukakan hadith-hadith yang pada pendapatnya menyatakan dengan jelas Aidiladha jatuh sehari selepas hari wukuf. Beliau turut mengemukakan pendapat hilal Zulhijjah dicerap khusus bagi menentukan hari *tarwiyah* dan wukuf. Selaras dengan itu, beliau menegaskan Aidiladha disambut kawasan selain Makkah sebagai mengiringi jemaah haji yang selesai mengerjakan wukuf dengan hujah tiadanya nas mengenai cerapan hilal kawasan-kawasan lain untuk menentukan Aidiladha. Berlawanan dengan kajian Md. Adnan Md. Daud (2001), kajian beliau merumuskan bahawa kaedah penentuan Aidiladha negara masakini adalah tidak tepat. Walaubagaimanapun, beliau tidak menjelaskan bagaimana generasi silam yang berada jauh dari Makkah menentukan Aidiladha di kawasan masing-masing.

Ab. Rahman Hussain (2003) dalam kajiannya *Asas Penentuan Idul Adha Dari Sudut Syarak* mengemukakan dalil-dalil yang menjadi asas kepada penentuan

³⁰ Dato' Alim Setia Ustaz Ahmad bin Jusoh (2002), "Cadangan Kaedah Penentuan Aidiladha Berdasarkan Hari Wukuf", (Kertas Kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia pada 23 April 2002).

Aidiladha negara Malaysia.³¹ Kajian beliau menjelaskan bahawa pendapat yang menyatakan kenampakan hilal sesuatu tempat sabit untuk seluruh tempat lain tanpa mengambilkira berjauhan atau berdekatan, berlainan *maṭla'* atau bersamaan merupakan pendapat mazhab Hanafi yang dianggap lemah dalam mazhab Shāfi'ī. Pendapat tersebut sekiranya dilaksanakan akan menimbulkan masalah kepada negara-negara yang berjauhan seperti Malaysia dengan Arab Saudi atau Malaysia dengan Maghribi yang mempunyai perbezaan masa yang panjang untuk memulakan puasa dan hari raya. Beliau turut menjelaskan mengenai tiadanya hubungan antara Aidiladha dengan ibadah haji memandangkan tarikh pensyariatan kedua-duanya berbeza. Hasil kajian beliau selari dengan hasil kajian Md. Adnan Md. Daud (2001) yang menekankan pengaruh *maṭla'* dalam penentuan awal bulan termasuklah sambutan Aidiladha. Walaubagaimanapun, kajian beliau dari aspek syarak ini sepertimana kajian Ahmad bin Jusoh (2002) tidak disertakan dengan kaedah penentuan Aidiladha zaman Rasulullah SAW dan generasi selepasnya secara terperinci sama ada mengambilkira pengaruh tersebut atau tidak.

Sementara Nooh Gadot (2003) dalam kajiannya *Tafsiran Hadis al-Hajj Arafah Dan Ibadat Puasa Sunat 9 Zulhijjah* menghuraikan pelaksanaan puasa sunat sempena hari Arafah bagi mereka yang berada jauh dari Makkah.³² Kajian beliau mendapati bahawa hadis “*al-Hajj Arafah*” yang menjadi sandaran Aidiladha ditentukan sehari selepas hari Arafah sebenarnya bermaksud ibadah wukuf sebagai salah satu rukun haji yang tidak mempunyai kaitan dengan penentuan Aidiladha

³¹ Ab. Rahman bin Hussain (2003), “Asas Penentuan Idul Adha Dari Sudut Syarak”, dalam *Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah Di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 25-35.

³² Dato' Nooh bin Gadot (2003), “Tafsiran Hadis al-Hajj Arafah Dan Ibadat Puasa Sunat 9 Zulhijjah”, dalam *Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah Di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 37-51.

kawasan selain Makkah. Kajian beliau turut mendapati bahawa seseorang yang hendak berpuasa sunat sempena hari Arafah di Malaysia boleh melaksananya pada hari kesembilan mengikut takwim rasmi negara meskipun hari tersebut bersamaan Aidiladha negara Arab Saudi. Beliau seterusnya menegaskan dalil yang *aṣaḥ* dalam mazhab Shāfi'ī untuk menentukan Aidiladha adalah hadith Umm Salamah³³ mengenai keharusan melaksana ibadah korban dengan melihat hilal Zulhijjah. Sepertimana kajian Ahmad bin Jusoh (2002) dan Ab. Rahman Hussain (2003), kajian beliau mengenai puasa sunat sempena hari Arafah yang berbangkit akibat penentuan Aidiladha mengikut *maṭla'* juga tidak disertakan dengan amalan generasi silam melaksana ibadah tersebut.

Ab. Rahman Hussain (2005) melalui kajian berikutnya *Hasil Analisis Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah 1426 H Di Makkah* melakukan analisis teknikal terhadap penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah 1426 H negara Arab Saudi.³⁴ Kajian beliau mendapati awal bulan-bulan berkenaan seperti tercatat dalam takwim hijri rasmi negara Arab Saudi ditentukan berdasarkan kelahiran hilal dengan hilal terbenam menyusuli matahari terbenam meskipun seketika. Kajian beliau menunjukkan kaedah penyediaan takwim juga boleh menjadi faktor berbezanya tarikh sambutan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah antara negara.

³³ Lihat al-Nawawī (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim bi-Syarḥ al-Nawawī*, “*Kitāb al-Aḍāḥīr*”, no. hadith 5091, j. 13, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 140.

³⁴ Ab. Rahman bin Hussain (2005), “Hasil Analisis Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah 1426 H Di Makkah” (Kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam Jakim, 26-27 Mei 2005).

Selain kajian-kajian yang membincangkan mengenai kaedah penentuan Aidiladha secara khusus tersebut, terdapat juga kajian dan penulisan yang menyentuh kaedah penentuan Aidiladha secara umum.

Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1992) dalam kajiannya *Ke Arah Penyelarasan Maṭla'* telah mengenalpasti secara menyeluruh pandangan ulama mengenai *maṭla'* dalam menyelaraskan sambutan awal puasa, Aidilfitri dan Aidiladha peringkat serantau.³⁵ Kajian mendapati bahawa mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpandangan wajib puasa ke atas seluruh umat Islam tanpa mengambilkira pertimbangan *maṭla'* apabila sampai kepada mereka sabit nampak hilal pada suatu tempat berbanding mazhab Shāfi'ī yang berpandangan wajib puasa ke atas mereka dalam *maṭla'* sama sahaja. Kajian juga mendapati *qawl* mengenai batasan *maṭla'* dalam mazhab Shāfi'ī juga tidak muktamad dari jarak yang dibenarkan *qasar* seterusnya dua puluh empat *farsakh* seterusnya dua tempat yang mengalami perbezaan matahari terbenam 8 darjah sehinggalah maksima tinggi hilal tanggal satu bulan hijriah yang dianggarkan 12 darjah. Hasil kajian menunjukkan bahawa penyelarasan awal bulan-bulan hijriah serantau tidak mungkin tercapai mengikut mazhab Shāfi'ī meskipun menggunakan *qawl* terluas. Justeru, kajian mencadangkan supaya negara-negara anggota MABIMS dapat menerimapakai kawasan rantau ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) dari Banda Aceh ke Irian Jaya yang jauhnya 5,120 kilometer sebagai *maṭla'* yang sama berdasarkan ketetapan jumhur ulama dari tiga mazhab dan sebahagian ulama Shāfi'iyyah untuk menyelaraskan sambutan awal puasa, Aidilfitri dan Aidiladha serantau. Kajian juga mencadangkan supaya kriteria Imkanur-rukyah dengan syarat baru untuk

³⁵ Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1992), "Ke Arah Penyelarasan Maṭla'" (Kertas Kerja Musyawarah Jawatankuasa Penyelarasan Rukyah Dan Taqvim Islam Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia Dan Singapura Kali Ke-3, 1-2 Jun 1992), h. 1-22.

menentukan awal bulan diterimapakai dengan hilal dianggap ada dan boleh kelihatan sekiranya ketika matahari terbenam, ketinggian bulan tidak kurang daripada 2° dan jarak lengkung bulan-matahari tidak kurang daripada 3° atau ketika bulan terbenam, umur bulan tidak kurang daripada lapan jam selepas ijtimak berlaku.

Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001) melalui buku terbitannya *Kaedah Penentuan Awal Hijrah* menjelaskan dalil-dalil syarak yang menjadi asas penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah negara, aspek-aspek astronomi sebalik penentuan awal bulan tersebut, perkembangan aktiviti cerapan hilal dan peranan pihak berkuasa berkaitan.³⁶ Penulisan turut menjelaskan bahawa ketetapan untuk menyelaraskan sambutan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah berdasarkan rukyah dan hisab dalam kalangan negara-negara serantau mula tercapai dalam Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura pada 3-4 Februari 1992. Sementara kriteria Imkanur-rukyah dengan syarat baru yang dicadangkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1992) telah dipersetujui untuk diterimapakai negara-negara anggota MABIMS dalam Musyawarah Jawatankuasa Penyelarasan Rukyah Dan Taqwim Islam Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia Dan Singapura Kali Ke-3, 1-2 Jun 1992 di Labuan.

Azhari Mohamed (2003) dalam kajiannya *Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah Di Malaysia* telah menghuraikan secara terperinci aspek teknikal kelahiran hilal, penentuan awal bulan hijriah dan penyediaan takwim

³⁶ Azhari Mohamed *et. al.* (2001), *Kaedah Penentuan Awal Hijrah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 8-10.

hijri.³⁷ Kajian beliau menjelaskan mengenai wujudnya kawasan berkemungkinan kelihatan dan tidak kelihatan hilal dinamakan Garis Tarikh Bulan Islam Antarabangsa yang sentiasa berubah dari bulan ke bulan. Kajian beliau turut menjelaskan mengenai peluang kelihatan hilal yang semakin bertambah ke arah barat dari garis tarikh tersebut. Kajian beliau membuktikan bahawa peluang pertama kelihatan hilal termasuklah Zulhijjah boleh berlaku pada mana-mana kawasan bumi.

Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2008) melalui penulisan berikutnya *Kaedah Penentuan Awal Puasa Dan Hari Raya Di Malaysia* telah melakukan sorotan historikal kaedah-kaedah penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah yang pernah digunapakai negara Malaysia.³⁸ Penulisan mendapati kaedah penentuan Aidiladha berpandukan hari wukuf yang dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-78 pada 12 Oktober 1967 telah disandarkan oleh Jawatankuasa Terpilih yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja kepada pendapat Mazhab Hanafi, Maliki dan *qawl dhaiif* dalam Mazhab Shāfi'ī yang menyatakan keharusan suatu negara untuk menggunapakai kenampakan hilal negara lain sekiranya perbezaan masa antara kedua-dua negara tidak melebihi enam jam berlawanan dengan hasil kajian Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1992) yang menyatakan tiadanya hujah tertentu sebaliknya. Penulisan juga mendapati kaedah penentuan tersebut meskipun kerap kali menjadi isu hangat negara terus dikekalkan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-88 pada 20 Oktober 1970, kali ke-109 pada 6 Oktober 1977 dan kali ke-125 pada 14 Oktober 1982 sehinggalah ia dipinda

³⁷ Azhari Mohamed (2003), "Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah Di Malaysia", dalam *Kaedah Penentuan Awal Ramadhan, Syawal Dan Zulhijjah Di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 1-12.

³⁸ Bahagian Penyelidikan JAKIM (2008), "Kaedah Penentuan Awal Puasa Dan Hari Raya Di Malaysia" (Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Analisis Rekod Cerapan Hilal Kali Ke-2, 25-27 Mac 2008), h. 1-2.

kepada cerapan hilal Zulhijjah negara sendiri dalam mesyuarat sama kali ke-164 pada 3 Februari 1994. Dalam jangkamasa berkenaan, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan turut beberapa kali membahaskannya melalui muzakarahnya pada 21-22 April 1977, 1-2 Julai 1985 dan 22 Ogos 1992.

Kesimpulan Sorotan Literatur

Beberapa kajian dan penulisan mengenai kaedah penentuan Aidiladha negara Malaysia telah dibuat oleh pengkaji terdahulu. Kebanyakan kajian adalah berkisar aspek syarak penentuan Aidiladha dan aspek teknikal peredaran bulan. Pengkaji-pengkaji yang menyatakan penentuan Aidiladha berbalik kepada hilal Zulhijjah *maṭla'* masing-masing telah membahaskan nas berkaitan dengan tidak mengemukakan amalan penentuannya zaman Rasulullah SAW juga generasi silam secara terperinci sedangkan pengkaji yang menyatakan penentuan Aidiladha mengiringi hari wukuf menghujahkan tidak wujudnya amalan generasi silam mencerap hilal Zulhijjah mengikut *maṭla'* masing-masing.

Justeru, perselisihan pandangan tersebut telah mendorong penulis melaksana semula kajian di atas dengan memberikan tumpuan kepada pensyariatannya zaman Rasulullah SAW dan generasi silam. Penulis juga ingin mengkaji sejauhmana kebenaran dakwaan penggunaan hasil cerapan hilal *maṭla'* berbeza menimbulkan masalah kepada negara-negara yang berjauhan seperti Malaysia dengan Arab Saudi. Dengan melakukan perbandingan takwim hijri rasmi sepadan miladi dan analisis data rukyah antara negara Malaysia dengan Arab Saudi bagi jangkamasa 1420-1432 H, penulis akan mengesahkan bahawa *maṭla'* berbeza tidak memungkinkan negara Malaysia menerimapakai hasil cerapan hilal Zulhijjah negara Arab Saudi untuk

menentukan Aidiladha negara dari kerana permasalahan yang timbul khususnya lebih hari bulan Zulhijjah dan kekurangan hari bulan Zulkaedah.